

Jam tangan Dr. Mahathir hilang

Oleh DALIZA ARIFFIN

ALOR STAR 4 Dis. — Sebuah jam tangan milik bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dipamerkan di rumah kelahirannya di Jalan Kilang Ais, tepi Jalan Pegawai di sini hilang.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Star, Supritendan Jalil Wahab berkata, kejadian itu hanya disedari oleh seorang kakitangan yang bertugas di rumah tersebut kira-kira pukul 12 tengah hari ini.

“Laporan mengenai kehilangan itu telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Star dan kami sedang menyiasat mengenai kejadian tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini.

Percuma

Bagaimanapun beliau tidak dapat menjelaskan lebih lanjut mengenai jenama dan nilai jam tangan tersebut.

Rumah kelahiran Tun Dr. Mahathir merupakan antara destinasi pelancongan yang cukup popular di negeri ini dan ia dibuka kepada orang ramai secara percuma dari pukul 9 pagi hingga 6 petang setiap hari kecuali hari Isnin.

Di dalam rumah tersebut ada dipamerkan pelbagai peralatan asal atau yang sejenis dengan bahan-bahan kepunyaan keluarga Mahathir selain pelbagai maklumat serta bahan-bahan arkib yang berkaitan dengan sejarah hidup beliau semenjak lahir sehinggalah berkahwin.